

Banjir kilat: Ratusan pengguna terperangkap kesesakan jalan raya

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Ratusan pengguna jalan raya terperangkap dalam kesesakan lalu lintas selepas beberapa jalan utama di ibu kota ditenggelami air petang ini.

Ini berikutan hujan lebat yang melanda ibu negara bermula pukul 5 petang mengakibatkan banjir kilat selama 45 minit di Jalan Semantan dan Jalan Tuanku Abdul Halim.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, ekor an kejadian tersebut, dua buah kereta tenggelam hingga paras tingkap kerana tidak dapat melepasi laluan berkenaan.

"Tiada kemalangan jiwa dilaporkan, mangsa keluar menyelamatkan diri seje rus kereta ditenggelami air," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Azizan, banjir kilat itu menyebabkan laluan di beberapa kawasan antaranya Jalan Templer, Jalan Duta dan Jalan Istana turut mengalami kesesakan dan bergerak perlahan.

Ujarnya, banjir kilat itu dipercayai berpunca daripada longkang tersumbat berikutan kerja-kerja pembinaan terminal Transit Aliran Massa (MRT) berhampiran kawasan tersebut.

Tambahnya, air surut kira-kira 45 minit selepas hujan berhenti kira-kira pukul 5.40 petang.

Sementara itu, Star Traffic melaporkan, laluan E37 dari Seputeh menghala ke Jalan Persekutuan dan persimpangan Lebu h Raya Damansara-Puchong (LDP) turut mengalami kesesakan dan dijangka mengalami kelewatan selama beberapa minit.